

**BAB 1 KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA TENGGARA**

**1.1 Imperialisme Barat di Asia Tenggara**

**1.1 a) Apakah yang dimaksudkan dengan imperialisme Barat? (Teks ms 3)**

<b>Luas</b>	Dasar sesebuah negara meluaskan pengaruh dan wilayahnya dengan menjajah negara lain.
<b>Bermula</b>	Imperialisme Barat di Asia Tenggara bermula sejak abad ke 16.
<b>Kuasai</b>	Kegiatan ini didorong oleh hasrat mereka untuk menguasai politik, ekonomi dan sosial kawasan ini.

**1.1.1) Senaraikan imperialis Barat dan negara Asia Tenggara yang dijajah. (Teks ms 3)**

<b>Imperialis Barat</b>	<b>Negara yang dijajah</b>
Portugis	Melaka dan Timor- Timur
Spanyol	Filipina
Belanda	Indonesia
Britain	Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, Brunei dan Burma
Perancis	Indochina
Amerika Syarikat	Filipina

**1.1.2) Huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi imperialisme Barat di Asia Tenggara. (SPM 2004) (Teks ms 5-7)**

**1. Bahan Mentah**

<b>Strategik</b>	Kedudukan yang strategik kerana terletak di antara China dan India menarik minat imperialis Barat.
<b>Subur</b>	Tanahnya yang subur sesuai untuk pelbagai jenis tanaman seperti tebu, kopi kelapa getah, kelapa, kelapa sawit dan tembakau.
<b>Bahan</b>	Kawasan ini kaya dengan bahan mentah seperti

<b>mentah</b>	rempah, bijih timah, kayujati dan petroleum.
<b>Konsisten</b>	Kepesatan sektor perindustrian membolehkan pengeluaran pelbagai hasil perkilangan secara besar-besaran dan memerlukan bahan mentah secara konsisten.

**2. Revolusi**

<b>Pasaran</b>	Memerlukan kawasan pasaran baru untuk memasarkan hasil pengeluaran kilang
----------------	---

**3. Pengangkutan dan Perhubungan**

<b>Kapal</b>	Penggunaan kapal berkuasa wap membolehkan muatan yang banyak dan mempercepatkan perjalanan antara Barat dengan Timur serta menjimatkan kos pengangkutan.
<b>Terusan</b>	Pembukaan Terusan Suez pada tahun 1869 pula telah memendekkan jarak perjalanan, selamat dan menjimatkan kos di antara Barat dan Timur.
<b>Telegraf</b>	Penciptaan telegraf dapat menghubungkan antara Barat dengan Timur memberikan arahan kepada pegawai-pegawai di tanah jajahan dan wakil perniagaan dengan lebih cepat dan berkesan.

**4. Persaingan**

<b>Saing</b>	Persaingan antara kuasa Barat menyebabkan negara-negara di Asia Tenggara menjadi mangsa imperialisme kerana keluasan tanah jajahan melambangkan kekuatan dan kekayaan.
--------------	--

**5. Beban Orang Putih dan Tanggung jawab**

<b>Beban</b>	Slogan beban orang putih sering digunakan oleh kuasa British dan Belanda dalam menjalankan imperialisme mendakwa mereka lebih maju dan
--------------	--

	bertamadun
<b>Tanggungjawab</b>	Merasakan bertanggungjawab untuk memimpin orang Timur ke arah kehidupan yang lebih sejahtera.
<b>Kristian</b>	Perancis dengan slogan tugas menyebarkan tamadun di Timur melalui mubaligh Kristian menyebarkan agama Kristian kepada penduduk di tanah jajahan.

**1.1.3) Terangkan sebab-sebab keistimewaan Asia Tenggara yang menarik minat imperialisme Barat. (Teks ms 5-7)**

<b>Strategik</b>	Kedudukan yang strategik kerana terletak di antara China dan India menarik minat imperialis Barat.
<b>Subur</b>	Tanahnya yang subur sesuai untuk pelbagai jenis tanaman seperti tebu, kopi kelapa getah, kelapa, kelapa sawit dan tembakau.
<b>Bahan mentah</b>	Kawasan ini kaya dengan bahan mentah seperti rempah, bijih timah, kayu jati dan petroleum.
<b>Pasaran</b>	Penduduk yang ramai dengan pasaran yang luas.

**1.2.1 Perubahan sistem politik**

**1.2.1. Apakah perubahan pentadbiran yang diperkenalkan oleh imperialisme Barat di Asia Tenggara? (SPM 2004) (Teks ms 8)**

<b>Birokrasi</b>	Memperkenalkan sistem birokrasi barat menggantikan pemerintahan beraja.
<b>Pusat</b>	Penubuhan Kerajaan Pusat hasil penyatuan wilayah-wilayah di tanah jajahan
<b>Ketua</b>	Pelantikan Gabenor Jeneral sebagai ketua pentadbir di tanah jajahan
<b>Biro</b>	Pelaksanaan pentadbiran melalui biro atau jabatan untuk melicinkan pentadbiran
<b>Pegawai</b>	Pelantikan pegawai Barat sebagai ketua biro mengawasi

	pegawai-pegawai di peringkat bawah.
<b>Undang-undang</b>	Pengenalan undang-undang Barat.
<b>Paksa</b>	Pemerintahan tempatan dipaksa menerima penasihat dan pentadbir Barat.
<b>Jabatan</b>	Penubuhan jabatan kerajaan seperti Jabatan Kesihatan, Jabatan Pertanian dan Jabatan Pelajaran.

**1.2.1a) Apakah yang dimaksudkan Encomienda? (Teks ms 9)**

<b>Sistem</b>	Sistem pentadbiran yang diperkenalkan oleh Sepanyol diketuai oleh Encomiendero.
<b>Tugas encomiendero</b>	Tugas menjaga keamanan, mengutip cukai dan mengkristiankan penduduk barangay

**1.2.1b) Mengapakah rakyat Filipina menentang sistem Encomienda? (Teks ms 9)**

<b>Cukai</b>	Mengenakan cukai yang tinggi.
<b>Tenaga</b>	Menjalankan kerja tenaga.
<b>Paksa</b>	Memaksa penduduk bekerja di ladang-ladang.

**1.2.1c) Terangkan perubahan pentadbiran Filipina semasa penjajahan Sepanyol. (Teks ms 8-9)**

<b>Berpusat</b>	Memperkenalkan sistem pentadbiran berpusat dengan Gabenor Jeneral sebagai pemerintah.
<b>Bandar</b>	Ketua Datuk Bandar mentadbir wilayah
<b>Gabenor</b>	Gabenor Kecil bertindak mentadbir bandar.
<b>Encomiender</b>	oPentadbiran pada peringkat tempatan dilaksanakan di bawah Sistem Encomienda yang diketuai oleh Encomiendero
<b>Barangay</b>	Penyatuan barangay dikenali encomienda telah menyebabkan kemerosotan terhadap sistem pemerintahan tradisional dan pengaruh golongan datu.

**1.2.1d) Apakah perubahan pentadbiran yang diperkenalkan oleh Belanda di Indonesia? (Teks ms 9)**

<b>Pusat</b>	Memperkenalkan pentadbiran pusat diketuai oleh Gabenor Jeneral menggantikan pemerintahan beraja. .
<b>Tempatan</b>	Pentadbiran tempatan dikendalikan oleh pembesar tempatan dengan pengawasan pegawai Belanda menggantikan pembesar daerah atau bupati
<b>Jabatan</b>	Penubuhan jabatan kerajaan seperti Jabatan Pelajaran dan Jabatan Pertanian
<b>Dewan</b>	Penubuhan Dewan Tempatan sebagai penasihat pentadbiran Belanda tetapi tiada kuasa perundangan
<b>Volksraad</b>	Penubuhan Volksraad iaitu Majlis Rakyat yang dianggap sebagai satu langkah ke arah kemerdekaan atas desakan Sarekat Islam.

**1.2.1e) Nyatakan sistem pemerintahan di Burma sebelum penjajahan British. (Teks ms 10)**

<b>Dinasti</b>	Sebelum kedatangan British Burma telah mengamalkan sistem pemerintahan beraja di bawah Dinasti Konbaung.
<b>Raja</b>	Raja sebagai ketua pemerintah dan penaung kepada sami Buddha
<b>Hluttaw</b>	Terdapat Hluttaw atau Majlis diraja.
<b>Wun</b>	Di peringkat pusat terdapat pegawai tinggi kerajaan yang membantu raja.
<b>Myothugyi</b>	Di peringkat bandar terdapat Myothugyi atau ketua bandar mengetuai pentadbirann
<b>Ahmudan</b>	Pegawai diraja atau Ahmudan terdiri daripada pegawai khas raja
<b>Athi</b>	Athi atau pembesar-pembesar tradisional mengetuai pentadbiran daerah

**1.2.1f) Jelaskan perubahan pentadbiran yang diperkenalkan oleh British semasa penjajahan di Burma. (Teks ms 10-110)**

<b>Pesuruhjaya</b>	Pesuruhjaya Tinggi British menjadi pemerintah tertinggi di Burma menghapuskan sistem beraja Dinasti Konbaung dan jawatan pembesar tradisional pada peringkat pusat.
<b>Akta</b>	Pengenalan Akta Kampung Ulu Burma 1887 dan Akta Perkampungan Burma 1889 telah melenyapkan terus sistem pentadbiran tradisional
<b>Myo-ok</b>	Pentadbiran daerah diambil alih oleh Myo-ok (pegawai bandaran)
<b>Undang-Undang</b>	Sistem undang-undang Barat diperkenalkan dengan penubuhan Majlis Perundangan
<b>Jabatan</b>	beberapa jabatan seperti jabatan perhutanan, jabatan kesihatan dan jabatan pelajaran telah ditubuhkan.

**1.2.1g) Terangkan sistem pentadbiran tradisional di Indochina sebelum penjajahan Perancis. (Teks ms 11)**

<b>Mutlak</b>	Negeri-negeri di IndoChina ditadbir oleh sebuah kerajaan pusat berkuasa mutlak yang memberikan kuasa penuh kepada pembesar tempatan.
<b>Mandarin</b>	Setiap birokrasi diketuai oleh golongan Mandarin adalah pengaruh Tanah Besar China
<b>Pilih</b>	Golongan ini dipilih melalui peperiksaan dalam bidang bahasa dan kesusasteraan China.

**1.2.1h) Jelaskan perubahan pentadbiran yang diperkenalkan oleh Perancis di Indochina. (Teks ms 11)**

<b>Pusat</b>	Perancis membentuk sebuah kerajaan pusat dengan menubuhkan Union Indochinoise terdiri daripada Vietnam, Kemboja dan Laos
<b>G/Jeneral</b>	Pentadbiran di IndoChina diketuai oleh seorang

BAB 1 KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA TENGGARA

	Gabenor Jeneral yang bertanggungjawab terus kepada Kementerian Tanah Jajahan di Paris
<b>Left/Gabenor</b>	Leftenan Gabenor mengetuai pemerintah wilayahjajahan atau naungan diikuti Residen Jeneral dan Residen Wilayah.
<b>Rang</b>	Semua rang undang-undang di IndoChina diluluskan oleh Parlimen Perancis.
<b>Cukai</b>	Pentadbiran kerajaan tempatan tidak dicampuri oleh kerajaan pusat tetapi perlu membayar cukai dan menyediakan kerahan tenaga.

1.2.1i) Jelaskan perubahan pentadbiran yang dilakukan oleh penjajah British di Tanah Melayu. (Teks ms 12)

<b>Kapten</b>	Penaklukan Portugis terhadap Melaka telah meruntuhkan institusi raja dan pentadbiran diketuai oleh Kapten.
<b>Belanda</b>	Semasa pemerintahan Belanda, institusi raja ini terus terhapus.
<b>NNS</b>	Pemerintahan British, Melaka, Pulau Pinang dan Singapura telah digabungkan menjadi Negeri-Negeri Selat.
<b>Gabenor</b>	Gabenor merupakan pemerintah tertinggi NNS dan dibantu oleh residen kaunselor bagi ketiga-tiga negeri tersebut.
<b>Residen</b>	Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu iaitu Perak; Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan, British telah memperkenalkan Sistem Residen.
<b>Penasihat</b>	Di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu Kedah, Kelantan, Terengganu, Perlis dan Johor British memperkenalkan Sistem Penasihat.
<b>Letak</b>	Residen dan penasihat British ini diletakkan di bawah Gabenor Negeri-Negeri Selat.
<b>N asihati</b>	Tugas utama residen dan penasihat British adalah untuk menasihati Sultan dalam semua perkara kecuali hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu.

BAB 1 KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA TENGGARA

<b>Kehakiman</b>	British telah memperkenalkan sistem kehakiman Barat,
<b>Cukai</b>	Melaksana sistem pengutipan cukai tanah dan hasil hutan.
<b>Daerah</b>	Pentadbiran negeri dibahagikan kepada beberapa daerah.
<b>Polis</b>	Penubuhan balai polis untuk mengawal keselamatan.
<b>Peranan</b>	Peranan raja dan pembesar Melayu terjejas hanya berkuasa dalam agama dan adat istiadat.
<b>Kekalkan</b>	Pentadbiran pada peringkat kampung oleh penghulu dikekalkan.

1.2.1j) Jelaskan pentadbiran negara Thai di bawah sistem pemerintahan tradisional. (Teks ms 12-13)

<b>Sendiri</b>	Birokrasi Barat telah diperkenalkan sendiri oleh Raja Mongkut dan Raja Chulalongkom.
<b>Lantik</b>	Raja Mongkut telah melantik 80 orang penasihat Barat untuk mengetuai pelbagai jabatan di samping melatih pegawai-pegawai tempatan.
<b>Penasihat</b>	Penasihat kewangan dan pelabuhan serta polis dibawa dari Britain, penasihat kastam dan ketenteraan pula masing-masing dari Amerika Syarikat dan Perancis.
<b>Perkenalkan</b>	Raja Chulalongkom telah memperkenalkan Majlis Penasihat Rendah, Majlis Mesyuarat Tertinggi dan Kabinet
<b>Menteri..</b>	Perbendaharaan Juruaudit dari Britain telah dilantik untuk berkhidmat dalam perbendaharaan negara
<b>Ganti</b>	Pada tahun 1932, sistem raja berperlembagaan yang diamalkan di Barat telah diperkenalkan bagi menggantikan sistem raja berkuasa mutlak.

1.2.1k) Huraikan kesan pengenalan sistem birokrasi Barat terhadap sistem pentadbiran tradisional di Asia Tenggara. (Teks ms 13)

<b>Raja</b>	Sistem pemerintahan beraja terhapus seperti yang berlaku
-------------	--

	di Indonesia dan Burma diganti dengan Gabenor Jeneral.
<b>Kekal</b>	Di Tanah Melayu walaupun sistem pemerintahan beraja dikekalkan tetapi peranan raja hanya berkuasa dalam bidang agama dan adat istiadat.
<b>Pusat</b>	Daerah dan wilayah disatukan dan diletakkan dibawah pentadbiran pusat yang diketuai oleh Gabenor Jeneral atau Persuruhjaya Tinggi.
<b>Pembesar</b>	Peranan pembesar daerah yang mengetuai pentadbiran daerah terhapus dan digantikan dengan pegawai Barat.
<b>Pengawasan</b>	Walaupun jawatan Penghulu dan pembesar tempatan dikekalkan tetapi tugas mereka sentiasa diawasi oleh pegawai Barat.
<b>Biro</b>	Tugas pembesar di peringkat pusat digantikan dengan biro atau jabatan yang diketuai oleh pegawai Barat
<b>Ganti</b>	Sistem perundangan tradisional terhapus dan di gantikan dengan sistem perundangan Barat dengan mewujudkan Badan Kehakiman dan Mahkamah.
<b>Cukai</b>	Raja dan pembesar yang bertindak mengutip cukai diambil alih < oleh pihak Barat dengan memperkenalkan pelbagai jenis cukai dan peraturan tanah yang ketat.
<b>Keselamatan</b>	Menubuhkan balai polis untuk mengawal keselamatan menggantikan tugas pembesar daerah.
<b>Hamba</b>	Menghapus sistem orang suruhan yang dimiliki oleh raja dan pembesar tradisional.
<b>Nasionalisma</b>	Birokrasi Barat yang mengambil alih peranan raja dan pembesar membawa kepada tercetusnya gerakan nasionalisme di Asia Tenggara.

### 1.3. Nasionalisma di Asia Tenggara

#### 1.3a) Apakah yang dimaksudkan nasionalisme? (Teks ms 14)

<b>Cinta</b>	Perasaan cinta akan bangsa dan negara yang membawa kepada gerakan membebaskan tanah air daripada dijajah.
<b>Bebas</b>	Melibatkan pembebasan daripada cengkaman ekonomi dan

	budaya asing.
--	---------------

#### 1.3.1) Huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi kemunculan nasionalisme di Asia Tenggara pada awal abad ke-20. (Teks ms 14-17)

<b>Dasar</b>	Dasar penjajahan barat menimbulkan rasa tidak puashati rakyat kerana:
	i) sistem birokrasi Barat yang diperkenalkan tidak memberikan peluang kepada rakyat tempatan dalam sistem pentadbiran moden.
	ii) Rakyat tempatan terus kekal dalam ekonomi tradisional yang serba kekurangan.
	iii) Dasar penindasan penduduk peribumi dalam ekonomi penjajah seperti Sistem Tanaman Paksa di Indonesia dan Sistem Polo di Filipina.
	iv) Mewujudkan sistem kelas golongan elit dengan golongan rakyat yang mewujudkan jurang sosial di kalangan rakyat tempatan.
	v) Dasar keterbukaan penjajah terhadap kemasukan imigran yang menguasai ekonomi tempatan.
<b>Agama</b>	Pengaruh agama berjaya menyatukan rakyat tempatan untuk menghadapi penindasan dan pengaruh kebudayaan Barat serta agama Kristian.
<b>Gerakan Islah</b>	di Indonesia dan di Tanah. Melayu serta penubuhan Persatuan Belia Buddha (1906) di Burma. Gerakan Islah yang memperjuangkan Pan-Islamisme, iaitu penyatuan dunia Islam menentang penjajahan Barat Agama Kristian yang diperkenalkan oleh Sepanyol telah menyatupadukan penduduk peribumi untuk menentang Sepanyol yang menganggap penganut Kristian tempatan dianggap kelas dua.
<b>Sastera</b>	Karya kesusasteraan berjaya menyampaikan mesej

BAB 1 KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA TENGGARA

	kesengsaraan dan kekecewaan terhadap penindasan penjajah yang membangkitkan kesedaran bangsa dan kecintaan terhadap tanah air. Di Filipina, novel Noli Me Tangere karya Jose Rizal telah mencetuskan gerakan nasionalisme dan menjadi inspirasi terhadap gerakan nasionalisme di rantau Asia Tenggara Di Indonesia, cerpen Kerikil-kerikil Tajam Ke Makam Bonda. karya Chairil Anuar begitu berpengaruh Di Tanah Melayu novel Puteri Gunung Tahan karya Pak Sako berjaya membangkit semangat nasionalisme..
<b>Pendidikan</b>	Mengamalkan sikap pilih kasih dalam menyediakan kemudahan pendidikan mengutamakan sekolah menggunakan bahasa penjajah sebagai bahasa pengantar.
<b>Rendah</b>	Penjajah hanya memberikan pendidikan pada peringkat rendah kepada rakyat dan pendidikan Barat terhad kepada golongan elit dan penduduk bandar Indonesia, anak golongan priyayi diberikan pendidikan yang tersendiri dan diasingkan daripada anak orang kebanyakan bertujuan untuk memecahkan perpaduan rakyat tempatan. Di Burma, pendidikan sekular dan pendidikan mubaligh yang diperkenalkan telah menjadi ancaman terhadap sekolah Buddha.. Di Tanah Melayu pula, lepasan sekolah vematikular sukar mendapatpekerjaan berbanding lepasan sekolah Inggeris
<b>Intelektual</b>	Kemunculan golongan intelektual yang berpeluang melanjutkan pelajaran di Barat dan di Asia Barat telah didedahkan dengan idea falsafah Barat dan Islam telah menyedarkan mereka untuk memimpin gerakan nasionalisme setelah kembali ke tanah air.
<b>Media</b>	Pengaruh media massa seperti akhbar dan majalah menyebarkan idea-idea nasionalis dan menanam perasaan antipenjajah kepada rakyat jelata. Contohnya: Di Vietnam, Tribute Indigene dan Cloche Felee

BAB 1 KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA TENGGARA

	merupakan akhbaryang berpengaruh. Di Tanah Melayu, al-Ikhwan, Saudara, Warta Malaya dan Majlis.
<b>Pengangkutan</b>	Perkembangan dalam sistem pengangkutan jalan keretapi dan jalan raya memudahkan rakyat dan para pemimpin bertemu dan membincangkan idea- idea nasionalisme
<b>Perhubungan</b>	Kewujudan perkhidmatan telefon dan telegraf memudahkan hubungan di kalangan nasionalis
<b>Luar</b>	Pengaruh luar mencetuskan nasionalisme dengan kejayaan Jepun menewaskan China pada tahun 1895 dan Rusia pada tahun 1905 memberi keyakinan akan keupayaan sebuah negara kecil mengalahkan negara besar.
<b>Inspirasi</b>	Peljuangan Mahatma Gandhi di India menentang British dengan mengadakan mogok lapar telah memberikan inspirasi kepada nasionalis

1.3.2a) Terangkan ciri-ciri pergerakan nasionalisme tahap pertama di Asia Tenggara. (SPM 2004) (Teks ms 18)

<b>Terbuka</b>	Penentangan secara terbuka tetapi bersifat setempat.
<b>Didik</b>	Mengutamakan pendidikan bangsa.
<b>Merdeka</b>	Tidak meminta kemerdekaan dengan segera.
<b>Organisasi.</b>	Penentangan lebih bersifat individu atau kumpulan yang tidak berorganisasi
<b>Isu</b>	Menggunakan Isu-isu kebudayaan, agama dan hak peribumi sebagai mencetuskan gerakan nasionalisme.
<b>Pimpin</b>	Gerakan dipimpin oleh golongan pertengahan yang berpendidikan Barat dan Asia Barat.
<b>Kesedaran</b>	Para pemimpin nasionalis menekankan kesedaran politik daripada tindakan politik.
<b>Hak</b>	Menuntut hak-hak mereka dikembalikan dan taraf hidup mereka dibaiki.

1.3.2b) Jelaskan ciri-ciri gerakan nasionalisme tahap kedua di Asia Tenggara. (Teks ms 18)

<b>Radikal</b>	Gerakan nasionalisme yang lebih radikal melakukan penentangan secara revolusi.
<b>Organisasi</b>	Berorganisasi melalui penubuhan pertubuhan politik dianggotai oleh rakyat
<b>Pimpin</b>	Dipimpin oleh golongan yang berpendidikan Barat serta berpengetahuan luas dalam bidang kebudayaan.
<b>Tuntut</b>	Matlamat untuk menuntut kemerdekaan.
<b>Kerajaan</b>	Membentuk kerajaan sendiri yang berdaulat.

1.3.2c) Senaraikan tokoh dan pertubuhan politik yang dipimp in menentang penjajahan di Asia Tenggara. (Teks ms 18)

Tokoh	Pertubuhan
Andres Bonifacio	Katipunan
Soekamo	Parti Nasionalis Indonesia
Nguyen Thai Hoc	Parti Viet Nam Quoc Dang Dang
Ho Chi Minh	Parti komunis Vietnam
Aung San Kyaw Nein U Nu	Parti Dobama Asiyone

1.3.2d) Huraikan perkembangan gerakan nasionalisme di Filipina. (Teks ms 18)

<b>Dakyah</b>	Mendahului negara lain di Asia Tenggara gerakan nasionalisme merupakan gerakan dakyah yang dipimpin oleh Jose Rizal.
<b>Menuntut</b>	Menuntut supaya Filipina dijadikan wilayah Sepanyol.
<b>Sarna</b>	Menuntut bangsa Filipina diberi hak yang sarna seperti yang diperoleh bangsa Sepanyol.
<b>Suara</b>	Mendesak bangsa i<ilipina diberikan kebebasan bersuara.
<b>Gagal</b>	Setelah gagal Jose Rizal menubuhkan Liga Filipina pada tahun 1892 dengan tujuan mendesak kerajaan Sepanyol melakukan pembaharuan politik, ekonomi dan so sial.

<b>Tangkap</b>	Kerajaan Sepanyol berasa teraneam lantas Jose Rizal ditangkap dan dibuang negeri ke Dapitan di Mindanao.
<b>Bunuh</b>	Beliau dikenakan hukuman bunuh atas tuduhan terlibat dalam gerakan pemberontakan. Katipunan Gerakan nasionalisme yang lebih radikal pada tahap kedua dengan penubuhan Katipunan oleh Andres Bonifacio.
<b>Radikal</b>	Penentangan secara radikal dengan matlamat perjuangannya adalah untuk menyatukan bangsa Filipina dan mencapai kemerdekaan melalui revolusi.
<b>Cetak</b>	Menggunakan media cetak akhbar Kalayan untuk menyebarkan fahaman revolusi kepada rakyat.
<b>Revolusi</b>	Pada tahun 1896, Katipunan melancarkan revolusi bersenjata untuk menggulingkan pemerintahan Sepanyol tetapi gagal.
<b>Lemah</b>	Katipunan semakin lemah selepas Bonifacio dihukum mati oleh pihak Sepanyol dan pada tahun 1897 Emilio Aguinaldo memimpin pertubuhan tersebut.
<b>Usir</b>	Aguinaldo telah mengadakan kerjasama dengan Amerika Syarikat dan berjaya mengusir Sepanyol pada tahun 1898.
<b>Penguasaan</b>	Penyingkiran Sepanyol itu telah memulakan penguasaan Amerika Syarikat terhadap Filipina.
<b>Tangkap</b>	Aguinaldo ditang}mp setelah melancarkan revolusi ekoran keengganan Amerika mengesahkan Pengisytiharan kemerdekaan Filipina pada tahun 1899
<b>Benar</b>	Kerajaan Amerika terpaksa membenarkan penubuhan parti-parti politik sederhana.
<b>Mengetuai</b>	Sergio Osmena telah dilantik mengetuai Dewan Perhimpunan apabila apabila partinya, iaitu Parti Nasional memenangi pilihan raya pada tahun 1907.
<b>Perlembagaan</b>	Pada tahun 1930-an nasionalis Filipina kembali menuntut kemerdekaan melalui perlembagaan pimpinan di Amerika Syarikat bertukar kepada yang lebih liberal.

**1.3.2e) Huraikan perkembangan pergerakan nasionalisme di Indonesia. (Teks ms 19-20)**

<b>Pendidikan</b>	Tahap pertama memberikan sepenuh tumpuan terhadap isu-isu pendidikan kerana dapat mengubah nasib rakyat Indonesia.
<b>Wanita</b>	Raden Adjeng Kartini berusaha memajukan pendidikan untuk kaum wanita melalui karyanya Habis Gelap Terbitlah Terang dan Penulisan Seorang Puteri Jawa telah mendedahkan kemunduran rakyat Indonesia dan penindasan oleh kerajaan Belanda.
<b>Inspirasi</b>	Perjuangannya memberikan inspirasi kepada pejuang-pejuang selepasnya untuk menubuhkan pertubuhan yang lebih tersusun seperti Muhammadiyah.
<b>Sebar</b>	Matlamat pertubuhan untuk menyebarkan Islam yang sebenar dan menghindari ancaman sekularisme Barat serta agama Kristian dengan membina sekolah, klinik dan masjid.
<b>Radikal</b>	Tahap kedua gerakan nasionalisme memperlihatkan perjuangan parti-parti politik radikal seperti Sarekat Islam, Parti Komunis Indonesia dan Parti Nasional Indonesia.
<b>Popular</b>	PNI di bawah pimpinan Soekarno begitu popular kerana perjuangannya dapat mempengaruhi rakyat Indonesia untuk membebaskan Indonesia secara revolusi.
<b>Tangkap</b>	Belanda telah bertindak balas dengan menangkap pemimpin-pemimpin yang radikal termasuk Soekarno dipenjarakan dan buang negeri ke Flores.
<b>Haram</b>	Parti Nasional Indonesia diharamkan oleh Belanda.
<b>Isytihar</b>	Soekarno mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia pada 1945 tetapi kemerdekaan tercapai pada 1949 dan beliau menjadi Presiden pertama.

**1.3.2f) Jelaskan perkembangan gerakan nasionalisme di IndoChina. (Teks ms 20)**

<b>Vietnam</b>	Gerakan awal di IndoChina tertumpu di Vietnam
----------------	---

	dipelopori oleh golongan bangsawan dan Mandarin memperjuangkan pemulihan sistem pemerintahan beraja.
<b>Pendidikan</b>	Golongan menengah berpendidikan Barat memperjuangkan pendidikan Barat di kalangan rakyat dipimpin oleh Phan Boi Chau memimpin satu gerakan revolusi tetapi gagal.
<b>VNQP</b>	Menubuhkan Viet Nam Quang Phu Hoi (VNQP) dan melancarkan beberapa pemberontakan di Tongkin serta melancarkan gerakan dakyah di Vietnam.
<b>Penjara</b>	Phan Boi Chau dipenjarakan dan VNQP diharamkan oleh Perancis.
<b>Radikal</b>	Gerakan nasionalisme pada tahap ini memperlihatkan perjuangan secara radikal oleh Viet Nam Quae Dang Dang (VNQDD) dan Parti Komunis Vietnam (PKV).
<b>Bertindak</b>	Perancis bertindak balas dengan menangkap pemimpin-pemimpin VNQDD termasuklah menghukum bunuh Nguyen Thai Hoc dan Ho Chi Minh pemimpin PKV terpaksa melarikan diri ke Hong Kong.
<b>Sederhana</b>	Sikap keras Perancis ini menyebabkan gerakan nasionalisme kembali bereorak sederhana di bawah pimpinan Maharaja Bao Dai dan baginda dilarang melibatkan diri dalam gerakan nasionalisme.
<b>Isytihar</b>	Semasa pendudukan Jepun tamat Ho Chi Minh mengisytiharkan kemerdekaan Vietnam dan menjadi Presiden Vietnam Utara yang pertama.

**1.3.2g) Huraikan perkembangan gerakan nasionalisme di Burma? (Teks ms 21)**

<b>Sami</b>	Tahap pertama di Burma melibatkan perjuangan golongan sami Buddha dan golongan elit berpendidikan Barat.
<b>Belia</b>	Menubuhkan Persatuan Belia Buddha bertujuan untuk mengekalkan tradisi Buddha dan memajukan pendidikan di kalangan rakyat Burma.



BAB 1 KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA TENGGARA

<b>Kasut</b>	Menggunakan Isu Kasut untuk membangkitkan semangat nasionalisme rakyat.
<b>Radikal</b>	Pada tahun 1916 persatuan ini dipimpin oleh nasionalis yang lebih radikal seperti U Ba Pe kemudiannya menubuhkan Majlis Persatuan Am Kesatuan-kesatuan Burma..
<b>Laporan</b>	Tahap kedua di Burma muncul apabila Laporan Montagu-Chelsford menyatakan bahawa Burma masih belum bersedia untuk memerintah sendiri.
<b>Revolusi</b>	Pada tahap ini tercetus Revolusi Pelajar yang menuntut penubuhan sebuah universiti untuk mereka.
<b>Pemberontakan</b>	Golongan sami Buddha melalui Majlis Am Sangha Sametggi telah mencetuskan Pemberontakan Saya San diketuai oleh Saya San, iaitu bekas pongyi dan pemimpin di Tharawaddy tetapi gagal.
<b>Liga</b>	Kemudian muncul pula Liga Antipemisahan yang menganggap pemisahan dengan India hanya akan melewatkan kemerdekaan.
<b>Perlembagaan</b>	Pengenalan Perlembagaan Burma 1935 memberikan peluang ke arah berkerajaan sendiri dan muncul Golongan Thakin siswazah universiti menubuhkan Parti Dobama Asiayone untuk menuntut kemerdekaan.
<b>Tuan</b>	Para pemimpinnya terdiri daripada Aung San, Kyaw Nein dan U Nu yang menggelarkan diri mereka sebagai "Tuan".
<b>PM</b>	Dr. Ba Maw yang memenangi pilihan raya pada tahun 1937 telah dilantik menjadi Perdana Menteri yang pertama.
<b>Rombongan</b>	Aung San mengetuai rombongan kemerdekaan ke Britain dan menubuhkan kerajaan Baru di Burma yang merdeka pada tahun 1948.

BAB 1 KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA TENGGARA

1.3.2h) Walaupun negara Thailand tidak pernah dijajah oleh imperialis Barat tetapi gerakan nasionalisme turut berlaku. Jelaskan. (Teks ms 22)

<b>Penguasaan</b>	Tahap pertama merupakan kegelisahan rakyat terhadap penguasaan politik oleh kerabat diraja dan penentangan terhadap raja berkuasa mutlak.
<b>Pendedahan</b>	Dicetuskan oleh golongan intelek Thailand yang mendapat pendidikan Barat yang terdedah dengan fahaman liberal, sistem demokrasi dan sistem raja berperlembagaan.
<b>Puas hati</b>	Rakyat tidak berpuas hati dengan kelemahan sistem pentadbiran dan sikap boros Raja Vajiravudh.
<b>P. Rakyat</b>	Parti Rakyat ditubuhkan pada tahun 1932 oleh Nai Pridi Panomyong dan Field Marshall Phibul Songram.
<b>Revolusi</b>	Parti Rakyat telah melancarkan Revolusi Thai pada tahun 1932 tanpa pertumbahan darah yang menamatkan sistem raja berkuasa mutlak.
<b>Cengkaman</b>	Tahap kedua gerakan nasionalisme di Thailand disebabkan oleh rasa tidak puas hati rakyat terhadap cengkaman ekonomi oleh kapitalis Barat dan orang Cina.
<b>Menyekat</b>	Semasa Phibul Songram menjadi Perdana Menteri, beliau meluluskan undang-undang untuk menyekat kebebasan dan penguasaan ekonomi oleh orang Cina sekolah dan akhbar Cina dibubarkan.
<b>Aktiviti</b>	Penduduk pribumi digalakkan melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi.
<b>Penganut</b>	Jawatan tertinggi dalam kerajaan hanya untuk penganut agama buddha.
<b>Tukar</b>	Pada tahun 1939, Phibul Songram telah menukar nama negara Siam kepada Thailand yang bermaksud Tanah Bebas
<b>Semula</b>	Kerjasama dengan Jepun semasa Perang Dunia Kedua, Thailand telah berjaya mendapatkan semula wilayah-wilayah di IndoChina dan di Tanah Melayu.

<http://sejarah1spm.blogspot.com>